

14/01/1998

Rakyat tentu sendiri ekonomi

BANGI, Selasa - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad meminta rakyat tidak membiarkan ekonomi negara ditentukan oleh pelabur atau modal asing semata-mata, sebaliknya turut mengambil kesempatan daripada peluang yang ada bagi membantu mengukuhkannya.

Semua pihak perlu yakin dengan keutuhan ekonomi negara dan sanggup melakukan apa yang perlu serta terbaik untuk negara.

Perdana Menteri juga menyarankan supaya rakyat tidak terlalu terpengaruh dengan tindakan pelabur asing dalam membuat sebarang keputusan bagi pelaburan yang hendak dibuat.

"Sebenarnya, banyak yang boleh dilakukan oleh rakyat untuk membantu mengukuhkan ekonomi. Dalam keadaan ini, memang kita akan cuba yakinkan pelabur asing supaya kembali melabur di sini tetapi kita janganlah mengharap dan menunggu mereka semata-mata.

"Kalau kita tunggu begitu, maka kita mungkin terpaksa terus menunggu buat selama-lamanya sebab kita tak tahu. Ini bermakna kita menyerahkan untung nasib kepada mereka dan bukannya diri sendiri," katanya selepas perasmian Taman Teknologi Institut Penyelidikan Teknologi Nuklear Malaysia (MINT Tech-Park) di sini, hari ini.

Hadir sama ialah Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Datuk Law Hieng Ding; Timbalannya, Datuk Abu Bakar Daud; dan Ketua Pengarah MINT, Dr Ahmad Sobri Hashim.

Kegawatan ekonomi yang berpunca daripada kejatuhan nilai ringgit dan pasaran saham sejak Julai lalu mencetuskan krisis keyakinan di kalangan pelabur asing yang sebelum ini berminat menanam modal di negara ini.

Walaupun kegawatan yang melanda bersifat serantau dan asas ekonomi Malaysia masih kukuh, pihak asing lebih cenderung membuat kesimpulan masalah yang berlaku disebabkan krisis ekonomi dan bukannya keyakinan.

Dr Mahathir menjelaskan, adalah lebih baik jika ketika rakyat memberi perhatian terhadap usaha mendapatkan keyakinan pelabur asing, mereka juga memberi tumpuan kepada apa yang boleh dilakukan sendiri dalam negara.

Menurutnya, banyak perkara yang boleh dilakukan oleh rakyat negara ini untuk membantu mengukuhkan ekonomi. Antara contoh yang baik ialah meningkatkan disiplin diri, tidak membazir dan melabur.

Perdana Menteri mencadangkan supaya rakyat mengubah pemikiran mereka daripada hanya bertumpu kepada matlamat mendapatkan keuntungan modal saja kepada yang lebih berorientasikan prestasi sesebuah syarikat.

Ketika berucap merasmikan MINT Tech Park, Dr Mahathir menyarankan syarikat swasta merapatkan hubungan dan kerjasama mereka dengan institusi penyelidikan bagi memanfaatkan hasil penyelidikan dan pembangunan (R&D) mereka.

"Banyak teknologi dan kepakaran institusi penyelidikan boleh digunakan untuk meningkat daya saing industri dan ia mungkin berupaya menggantikan teknologi asing satu hari nanti," katanya.

Pada masa yang sama, Perdana Menteri berkata, agensi kerajaan perlu membuat anjakan paradigma dalam menangani masalah yang dihadapi institusi R&D, agensi pusat dan syarikat swasta untuk memastikan hubungan dan reputasi yang baik.

MINT Tech-Park yang dirasmikan hari ini, ditubuhkan oleh MINT bagi memberi tumpuan terhadap teknologi yang mempunyai potensi pasaran besar untuk dimanfaatkan oleh sektor swasta terutama industri kecil dan sederhana.

(END)